

BKN bersedia hadapi banjir

Pelbagai pihak terbabit operasi menyelamatkan bersiap lebih awal tangani bencana

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak yang terbabit dalam operasi menyelamatkan mangsa banjir sejak 17 Disember lalu bersiap sedia berkhidmat jika berlaku 'gelombang' banjir kedua berikutan hujan yang dijangka berterusan hingga Aidiladha, Ahad ini.

Jaminan itu diberikan Bahagian Keselamatan Negara (BKN) selaku penyelarasan operasi. Turut memberi jaminan ialah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang bertugas untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan mangsa banjir di pusat pemindahan.

Pengarah Pengurusan Bencana dan Krisis, Bahagian Keselamatan Negara (BKN), Che Moin Umar, berkata beliau yakin gerakan menghadapi bencana seterusnya akan berjalan lancar berikutan kerjasama bersepadu antara jabatan dan agensi kerajaan sepanjang kejadian banjir buruk baru-baru ini.

Malah, katanya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak selaku Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara juga berpuas hati dengan tugas yang dijalankan sepanjang kejadian banjir di Melaka, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor itu.

Beliau berkata, persiapan awal yang dirangka untuk menghadapi bencana adalah antara faktor yang membantu melancarkan operasi mencari dan menyelamatkan serta membawa mangsa banjir ke pusat pemindahan.

"Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca sentiasa memaklumkan perkembangan terkini cuaca seluruh negara selain ramalan dalam masa terdekat dari semasa ke semasa.

"Ketika ini, berdasarkan pergerakan tompokan awan, kemungkinan hujan lebat akan berlaku di Sarawak dalam masa terdekat.

"Bagaimanapun, sama ada berlaku bencana di Semenanjung atau Sabah dan Sarawak, kita sudah bersedia menghadapinya menggunakan mekanisme sedia ada," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin Timbalan Perdana Menteri mahu semua pihak bersiap sedia menghadapi sebarang kejadian termasuk banjir kedua berikutan hujan yang dijangka berterusan sepanjang minggu ini.

Sebelum ini, laporan Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca menjangkakan cuaca buruk di Johor dan Pahang Tenggara berterusan hingga Ahad ini serta hujan lebat di Melaka dan Negeri Sembilan berterusan sehingga empat hari lagi yang berkemungkinan menyebabkan banjir.



ALAM BARU: Azizan Md Nasir membawa anak sulungnya, Mohd Nur Iqmal 7 untuk mendaftar Tahun Satu walaupun rumahnya masih di penuh air di Sungai Rambai, Melaka, semalam.

Che Moin berkata, semua pasukan tindak balas membabitkan polis, bomba dan tentera sedia maklum mengenai prosedur tugas masing-masing ketika menghadapi bencana.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Hamzah Abu Bakar, berkata pembahagian tugas secara sistematik untuk menghadapi bencana sudah dilaksanakan untuk menjamin keberkesanan setiap tindakan yang akan diambil.

"Cuti semua kakitangan dan pega-

wai dibekukan hingga diberitahu kelak, bagaimanapun bagi yang mendapat cuti lebih awal mungkin kerana hal yang tidak dapat dielakkan, mereka diarahkan supaya melapor diri di balai bomba yang berdekatan untuk membantu dalam operasi," katanya.

Katanya, walaupun lebih cenderung beroperasi menggunakan jalan darat, pasukan itu turut memiliki helikopter untuk memantau dari udara dan bot bagi memindahkan mangsa banjir.

Beliau berkata, setakat ini, lebih 500 anggota bomba sudah menjalani latihan ketahanan diri membabitkan operasi penyelamatan di dalam air sama ada sungai atau laut dan lumpur sebagai persiapan untuk bertugas ketika bencana.

Ketua Pengarah JPA3, Nasir Mat Dam pula berkata, anggotanya sama ada anggota tetap atau sukarela kira-kira 10,000 bersiap sedia daripada segi mental dan fizikal untuk menghadapi 'gelombang' banjir kedua.

FAKTA NOMBOR

Persiapan hadapi banjir kedua

500
Anggota bomba bersiap sedia

10,000
Anggota JPA3 sedia berkhidmat